



KEMENTERIAN KERJA RAYA

TEKS UCAPAN YB MENTERI KERJA RAYA

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MAJLIS AMANAT TAHUN 2024 SERTA PERHIMPUNAN BULANAN

BERSAMA YB MENTERI KERJA RAYA 2024

8 FEBRUARI 2024

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

**FOKUS: “*PLEDGE OF RESULT*”, PEMBANGUNAN DAN
PENYENGGARAAN INFRA SERTA TATAKELOLA PENTADBIRAN
BERINTEGRITI**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

***Membantu rakyat janganlah penat,
Manusia hormat Tuhan pun sayang,
Amanat bukan sebarang amanat,
Amanat datang dari hati.***

***Amanat datang dari hati,
Demi kesejahteraan Malaysia Madani,
Curah keringat menabur budi,
Jasa yang baik dibawa mati.***

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga KKR dan juga agensi yang sudi meluangkan masa bersama-sama dengan saya pada hari ini bersempena Majlis Amanat dan Perhimpunan Bulanan yang pertama pada tahun 2024. Saya menyusun jari memohon maaf di atas kelewatan Majlis Amanat pada kali ini. Pelbagai bencana alam menyambut kita di awal 2024 yang menuntut kita semua untuk memberi keutamaan berada di lokasi. Melihat betapa warga KKR dan semua agensi yang pantas memberi bantuan mahupun nasihat kepakaran, saya yakin, beberapa perkara di dalam amanat pada hari ini telah difahami dan dihayati oleh warga KKR dan agensi. From the bottom of my heart, terima

kasih semua kerana sentiasa meletakkan kepentingan nyawa manusia di tangga prioriti.

2. Kita telah memasuki bulan kedua dalam kalendar 2024 dan ini menandakan bahawa kita harus terus membuat lonjakan dan pecutan pantas bagi menjayakan inisiatif yang berimpak positif kepada rakyat dan memberikan perkhidmatan terbaik untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

KERANGKA STRATEGI MALAYSIA MADANI (KSMM) - “PLEDGE OF RESULT”

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

3. Pada 18 Januari 2024 yang lalu telah berlangsung Program pemukiman Jemaah Menteri bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan dan pengukuhan tadbir urus jentera kerajaan disamping memantapkan kesepakatan serta kesepaduan dalam Kerajaan. Sewaktu sesi pemukiman tersebut, KKR telah mengariskan **lima (5) inisiatif** yang telah dijadikan *“Pledge of Result* di bawah Kerangka Strategi Malaysia MADANI (KSMM) iaitu:

- i. Pelaksanaan Projek Bernilai RM10 Juta Ke atas Secara Building Information Modelling (BIM);
 - ii. Memperluas Penggunaan Teknologi Dalam Pembinaan Melalui Program Latihan Industrial Building System (IBS) dan BIM;
 - iii. Meningkatkan Keselesaan dan Keselamatan Pengguna Lebuh Raya Terutamanya Penunggang Motosikal;
 - iv. Memperkasa Urusan Penyenggaraan Segera (Potholes Patching) dan Mutu Penampalan Jalan Persekutuan; dan
 - v. Meningkatkan Akses dan Mobiliti Melalui Pelaksanaan Lima Projek Mega yang bakal menyuntik pembangunan ekonomi negara iaitu Projek *Sarawak-Sabah Link Road* (SSLR) Fasa 1, Projek *Sarawak-Sabah Link Road* (SSLR) Fasa 2, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) dan Projek Pelebaran Lebuhraya PLUS.
3. Dalam pemukiman tersebut, saya selaku Menteri Kerja Raya juga telah memberikan ikrar dan komitmen dalam mereformasikan pembangunan infrastruktur negara melalui program **MYJalan** terutamanya dalam aspek pengumpulan data

bagi menambahbaik keberkesanan dan kecekapan pengurusan infrastruktur berfokuskan kesejahteraan rakyat. Dengan amanah yang digalas dan komitmen yang dijanjikan, saya seikhlas hati menyeru agar semua warga KKR, JKR, CIDB dan LLM termasuk pihak konsesi, kontraktor dan pemain industri keseluruhannya untuk bersama-sama mengemudi hala tuju pembangunan infrastruktur negara dengan SATU aspirasi iaitu kecemerlangan insfrastruktur negara bertaraf dunia. Saya percaya dengan kepakaran, pengetahuan dan pengalaman semua di Kementerian dan agensi. Harapan saya, biarlah kapal yang dikemudi ini sentiasa sehaluan dan harmoni demi kepentingan rakyat dan negara.

PENGEMBLENGAN SUMBER 2024

Hadirin yang dikasihi sekalian,

4. Belanjawan 2024 telah menyaksikan KKR memperolehi keseluruhan peruntukan sebanyak **RM9.511billion**. Daripada jumlah tersebut **RM949.37juta** diperuntukkan bagi **Belanja Mengurus** dan jumlah tersebut bertambah **9.72%** berbanding 2023. Sebanyak **RM8.56billion** pula disediakan di bawah **Belanja Pembangunan** iaitu kenaikan **13.05%** berbanding

peruntukan tahun lalu. **Pada tahun 2024 ini, sebanyak 233 projek akan dilaksanakan oleh KKR melibatkan 38 projek baharu, 181 projek sambungan dan 14 projek penyenggaraan.**

5. Peruntukan penyenggaraan yang diluluskan menerusi Belanjawan 2024 adalah sebanyak **RM2.8bilion** dan jumlah ini adalah pertambahan RM1bilion berbanding tahun lalu. Kementerian Kewangan juga telah berbesar hati meluluskan sejumlah **RM30juta** untuk diagihkan kepada **115 Jurutera Daerah dengan RM200ribu** setiap daerah bagi menangani segera aduan kerosakan kecil dan luar jangka di Jalan Persekutuan. Selain itu, Kerajaan juga telah meluluskan sebanyak **RM100juta** bagi menyenggara dan menggantikan lampu jalan kepada jenis LED yang dijangka dapat memberikan penjimatan bil elektrik sebanyak 60%. Peningkatan peruntukan ini tentunya datang dengan AMANAH dan TANGGUNGJAWAB yang besar kepada kita semua. Rakyat dan kepimpinan negara memberi kepercayaan kepada kita untuk melaksanakan tugas sebaiknya. Dan janganlah dilupa, jutaan nyawa manusia juga bergantung harap kepada sistem jalan raya dan infrastruktur terbaik mencakupi pelbagai agensi di bawah KKR. Sering saya

tekankan, nyawa manusia tiada duanya dan justeru itu, dengan peruntukan yang diberikan, saya mohon komitmen padu daripada warga Kerja Raya dan agensi sekalian untuk sama-sama kita melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan penuh amanah, berintegriti dan cemerlang.

Hadirlin yang dihormati sekalian,

6. Saya sentiasa menekankan ruang dan peluang bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kita kepada rakyat. Pelancaran kempen **MYJalan** pada tahun lalu oleh YAB Perdana Menteri telah membawa kita kepada pelbagai kejayaan yang selama ini dianggap sukar untuk dicapai. Inilah hasil gandingan idea dan tenaga ke arah matlamat yang sama. Dari pengiktirafan kepada pekerja JKR kita yang selama ini hanya tinggal dalam lipatan sejarah, kepada pertambahan peruntukan, semuanya dapat kita capai hasil usaha keras dan berterusan. Maka pada tahun ini, adalah menjadi hasrat saya untuk memperluaskan Kempen MyJalan menjadi **Program MyJalan** yang bersifat lebih inklusif dan akan dicerapkan ke seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak. Saya ingin melihat program ini disambut baik oleh semua pihak berwajib di pelbagai peringkat yang

terlibat dalam pengurusan penyenggaraan fasiliti jalan raya di seluruh Malaysia. Seperti yang kita sedia maklum, jalan raya di Malaysia ini bukan secara keseluruhannya di bawah tadbir urus KKR. Tanggungjawab menjaga fasiliti jalan raya ini turut melibatkan bidang kuasa negeri dan PBT yang lain. Walaupun berbeza bidang kuasa, saya percaya Program MyJalan akan dapat mengeratkan jalinan kerjasama strategik dengan semua pihak agar bersatu memberikan perkhidmatan terbaik dalam mempertingkatkan kualiti penyenggaraan fasiliti dan aset jalan raya kita. Sering saya katakan kepada pegawai-pegawai saya, ‘**NO ONE IS A SUPERMAN**’. Mungkin usaha ini tidak sebegitu mudah untuk dicapai, namun dengan strategi dan tindakan proaktif yang konsisten digandakan dengan sikap bertoleransi yang tinggi di kalangan kita semua warga kementerian dan agensi, semua kekangan boleh di atasi.

7. Selari dengan hasrat tersebut juga, aplikasi aduan MyJalan turut dilancarkan sebagai platform aduan setempat dengan mendukung ***no wrong door policy***. Setakat 2 Februari tahun ini, sejumlah 10,772 aduan telah diterima dan 8,000 atau 74.27% daripada jumlah tersebut adalah berupa aduan yang terletak pada bidang kuasa agensi lain. Data ini jelas menunjukkan

bahawa keadaan jalan raya selain jalan persekutuan harus diberi perhatian yang serius dan data ini seharusnya digunakan untuk memperkuuhkan lagi justifikasi kita untuk mendapatkan kerjasama dengan agensi yang bertanggungjawab di samping mendapatkan dana peruntukan yang lebih daripada Kerajaan.

8. Selain itu, saya juga berhasrat untuk menggunakan Aplikasi ini sebagai salah satu platform **pemantauan ke atas pencapaian kerja-kerja konsesi**. Dalam hal ini, saya telah mengarahkan Bahagian Pengurusan Maklumat KKR untuk mengintegrasikan maklumat setiap konsesi yang menyelenggara jalan agar kerja dan prestasi konsesi dapat dipantau melalui data yang dijana oleh aplikasi aduan MyJalan.
9. Saya percaya dengan keberadaan teknologi sedia ada dan kecanggihan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence), Internet of Things (IOT) dan Virtual Reality (VR) yang semakin rancak mendominasi dunia, aplikasi aduan MyJalan ini mampu diperluaskan dan diperkasakan lagi fungsi dan keupayaannya dalam membantu mengoptimakan isu penyelenggaraan dan pemantauan jalan seluruh Malaysia di peringkat awam mahupun swasta.

Warga KKR agensi yang saya hormati dan kasih sekalian,

10. Sememangnya saya akui, isu berkaitan jalan raya sering menjadi modal netizen untuk dihebahkan atau diviralkan. Saya memahami banyak aduan yang telah diambil tindakan segera, namun ada juga aduan yang mengambil masa terlalu lama untuk ditangani. Tentunya ini menjasaskan kepercayaan rakyat kepada kita. Justeru, perkara utama yang ingin saya tegaskan di sini adalah tindakan bagi kerja membaikpulih di lapangan **TANPA PERLU MENUNGGU ADUAN** and **Don't sweep under the carpet.** Hentikan sikap hanya menunggu isu viral baru bertindak. Kita harus sentiasa memastikan pihak konsesi yang bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pemantauan dengan baik. Saya menyeru semua warga KKR dan agensi untuk mempunyai '**sense of urgency**' dalam menangani pelbagai isu yang diutarakan. Inilah pesanan yang sering diingatkan oleh YAB Perdana Menteri kepada semua ahli Kabinet terutamanya apabila melibatkan perkara berkaitan kebajikan rakyat.

11. Kita semua terlibat dalam memastikan kejayaan segala perancangan, hala tuju, inisiatif mahupun KPI Kementerian. Tiada siapa di sini yang terkecuali atau diberi pelepasan

istimewa. Tidak saya sebagai Menteri, mahupun Timbalan Menteri, KSU, Timbalan KSU, pengurusan tertinggi dan semua warga kementerian dan agensi.

- 12. Kejayaan kita adalah kejayaan bersama. Begitu jugalah dengan kegagalan. Kegagalan melaksanakan misi yang telah ditetapkan adalah kegagalan kita semua.**

KOMUNIKASI BERKESAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

- 13. Seperti yang pernah saya sebut, banyak tindakan dan inisiatif proaktif telah diambil oleh Kementerian dan agensi-agensi seperti JKR, LLM dan CIDB. Namun, usaha-usaha ini tidak mudah mendapat perhatian. Antara punca dikenalpasti adalah kerana kurangnya hebahan dan komunikasi yang berkesan.**
- 14. Dari hari pertama saya melangkah kaki ke KKR, kerja-kerja komunikasi dan hebahan sering saya tekankan. Ini penting bukan sahaja untuk memberi informasi tepat kepada rakyat, tetapi juga untuk menyalurkan maklumat berkaitan manfaat yang dapat diterima rakyat melalui usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Kerajaan. Seperti perkembangan teknologi**

yang lain, cara penyampaian hebahan juga perlu dipelbagaikan dan mengikut arus semasa, bagi memastikan informasi dapat sampai secara menyeluruh. Namun semua ini, masih perlu berpegang kepada prinsip dan etika dan tidak sekali-kali berkompromi dengan maklumat palsu dan tidak tepat hanya untuk meraih populariti ataupun ‘followers’.

15. Di sini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Unit Komunikasi Korporat Kementerian dan juga pasukan komunikasi agensi-agensi – JKR, LLM dan CIDB di atas usaha berterusan memantapkan kerja-kerja komunikasi dan meneruskan kerjasama baik dengan rakan media. **Saya pantau dan lihat semua hantaran serta kemas kini di sosial media kementerian dan agensi, dan dapat saya lihat usaha melipatgandakan hebahan dan perkongsian giat dilaksanakan.** Ada juga kemas kini yang menjadi sumber berita kepada rakan-rakan media. Terima kasih juga rakan-rakan media kita di atas bantuan selama ini.

BENCANA MONSUN TIMUR LAUT

Tuan / Puan yang saya kasihi sekalian

16. Setiap tahun kita berhadapan dengan cabaran besar iaitu bencana Monsun Timur Laut yang memberi kesan kerosakan kepada aset infrastruktur jalan raya dan juga cerun. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga JKR terutamanya kerana telah melaksanakan kerja – kerja pengurusan bencana dengan baik sekali. Bilik Gerakan Bencana JKR telah diaktifkan dengan pelaporan semasa situasi banjir dan di lapangan juga bekerja keras membuat kerja pemantauan dan pembaikan bagi memastikan keselamatan pengguna.

17. Tahniah saya ucapkan kepada pasukan yang terlibat dalam kerja pemasangan Jambatan Bailey. Sepanjang musim tengkujuh sejak November tahun lalu, **tiga Jambatan Bailey di tiga negeri telah dipasang iaitu di Melaka, disusuli Kelantan dan yang ketiga di Jalan Kuantan-Segamat-Pekan.** Saya dimaklumkan pasukan-pasukan ini telah bekerja keras bagi memastikan penyiapan segera walaupun berhadapan dengan situasi cuaca yang tidak menentu. Anda semua adalah wira, walaupun wira yang tidak didendang dan hanya sesekali jasa dikenang. Jangan

lemah semangat, **Jasa Kepada Rakyat** kita teruskan, bakti dicurah sebagai wira infrastruktur negara bagi memberi manfaat besar kepada rakyat secara keseluruhan. ***Walau tidak dikenang orang, saya yakin Tuhan sentiasa memandang.***

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

18. Sebagai Kementerian yang menjadi peneraju infrastruktur negara, sudah pasti projek-projek mega yang memberi impak besar kepada rakyat adalah di bawah tanggungjawab Kementerian ini. **Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak** telah mencapai **98.91%** hampir siap sepenuhnya, manakala projek **Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1A** pula, hampir **87%** penyiapan dicapai bagi **15 pakej kerja** yang sedang berjalan. Tidak lama lagi **Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)** yang menghubungkan **Banting dan Taiping** juga bakal dibuka sepenuhnya. Lebuhraya WCE ini bakal menjadi laluan alternatif kepada pengguna Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) bagi mengurangkan kesesakan terutamanya pada musim perayaan. Setiap projek mega ini akan membantu lonjakan ekonomi dan pembangunan di negara kita.

INTEGRITI DAN TATAKELOLA KKR

Warga Kerja Raya yang saya hormati sekalian,

19. Bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat, Sistem Pengkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 2 Januari yang lalu. Oleh itu saya menggesa warga KKR supaya mengemaskini serta mengesahkan 39 item maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat sebelum 15 Februari. Ini penting bagi memastikan kemudahan dan manfaat yang diberikan oleh kerajaan kelak dinikmati sepenuhnya oleh golongan sasaran.

20. Selaras dengan **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023: Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional**, semua Ketua Jabatan di pelbagai peringkat hendaklah memainkan peranan dalam memerangi rasuah melalui amalan tatakelola yang baik. Dalam hal ini, KKR termasuk saya tidak akan berkompromi sekiranya terdapat unsur rasuah dan penyelewengan terutama dalam urusan kewangan dan pengurusan kontrak. Warga KKR dan agensi hendaklah beriltizam menjadi aset yang berkualiti kepada organisasi melalui amalan integriti dan tatakelola yang baik.

21. Saya difahamkan sebentar lagi akan diadakan sesi **Ikrar Bebas Rasuah** setelah kali terakhir diadakan pada tahun 2018. Ikrar ini amat bertepatan dengan komitmen berterusan Kementerian ini dalam memperteguhkan nilai integriti mencegah amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kita perlu bekerjasama dengan pihak SPRM dalam membanteras jenayah ini. Sentiasa ingat, apa juu tindakan dan keputusan yang diambil, kita sentiasa diperhatikan secara dekat dan jauh.
22. Adalah menjadi harapan saya juga, agar setiap daripada kita, pemegang taruh dan penjawat awam yang diberi tanggungjawab untuk berkhidmat dalam kerajaan akan sentiasa memegang prinsip kebijakan rakyat harus didahulukan. Setiap maklumat yang diberikan haruslah maklumat yang berintegriti. Selama setahun dua bulan saya di sini, saya banyak meneliti dan sedar terdapat banyak jurang maklumat dalam penyampaian menyebabkan maklumat yang tepat tidak sampai kepada rakyat. Adalah penting untuk saya memastikan sesuatu maklumat yang diberikan adalah benar agar kita dapat membuat keputusan yang bijak demi menjamin keberkesanan penyampaian dasar dan inisiatif kerajaan kepada rakyat. Oleh itu, saya berharap agar

kekurangan ini dapat diperbaiki pada setiap peringkat pengurusan bagi kesejahteraan bersama.

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan,

23. Pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan **Selamat Tahun Baharu Cina** kepada seluruh warga KKR dan juga agensi yang merayakan perayaan ini. Bagi yang ingin pulang ke kampung halaman atau bercuti bersama keluarga, sila rancang perjalanan dengan baik. Semoga selamat tiba ke destinasi yang ingin dituju.

24. Sebelum saya akhiri ucapan pada hari ini, saya ingin sekali lagi menyeru agar warga KKR dan agensi sentiasa optimis untuk kekal memberikan komitmen yang terbaik dalam apa jua tugasan yang diamanahkan. Semoga segala usaha baik kita akan membawa hasil dan kejayaan. Jadikan pengalaman yang lalu sebagai pencetus azam bagi mempertingkatkan lagi prestasi kita pada tahun ini. Selamat maju jaya semua. Ayuh kita bawa semangat **#kamidisini** untuk terus berjuang Ke Arah Kesejahteraan Rakyat.

Yang pipih tidak datang melayang

Yang bulat tidak datang menggolek

Bulat air kerana pembetung

Bulat Warga KKR kerana muafakat

Yang berlubang kita tampalkan

Yang rosak kita perbetulkan

Yang bahaya kita selamatkan

Yang renggang kita rapatkan

Yang bengkok kita luruskan

Demi pengguna jalanraya yang kita utamakan

Kepada warga Kerja Raya yang disanjungkan

Ayuh berganding bahu merentas halangan

Melonjakkan Malaysia sebagai Infrastruktur Jalanraya

bertaraf dunia.

Dari jalan raya ke cerun tinggi,

Sektor binaan pun sama dijaga,

Kepada rakyat kita berbudi,

Semoga usaha dapat pahala

Sekian, terima kasih.